Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

ANALISIS TERJEMAHAN SARI KATA FILEM *SHERIFF: NARKO INTEGRITI (2024)* DARI BAHASA MELAYU KE BAHASA ARAB BERDASARKAN TEORI EQUIVALENCE, SKOPOS DAN PERSAMPELAN BERTUJUAN

ANALYSIS OF THE TRANSLATION OF THE GIST OF THE FILM SHERIFF: NARKO INTEGRITI (2024) FROM MALAY TO ARABIC BASED ON EQUIVALENCE THEORY, SKOPOS THEORY AND PURPOSIVE SAMPLING

Mazuki Izani Ismail [1]*
Shahrizal Mahpol [2]

[1]Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.
(E-mail: mazuki@uitm.edu.my)
[2]Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia.
(E-mail: srizal368@uitm.edu.my)

Article history
Received date : 14-4-2026
Revised date : 15-4-2026
Accepted date : 4-7-2026
Published date : 15-8-2026

To cite this document:
Ismail, M. I., & Mahpol, S. (2026). Analisis terjemahan sari kata filem Sheriff: Narko Integriti (2024) dari bahasa Melayu ke bahasa Arab berdasarkan teori equivalence, skopos dan persampelan bertujuan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (85), 1019-1040.

Abstrak. *Kajian ini menganalisis terjemahan sari kata filem Sheriff: Narko Integriti (2024) daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab dengan menggunakan kerangka Teori Equivalence (Nida, 1964) dan Teori Skopos Vermeer (2000). Data kajian terdiri daripada 60 dialog yang diekstrak secara persampelan bertujuan daripada rentang masa 0:00–1:24:15 (daripada jumlah tempoh tayang keseluruhan filem 2:14:16). Pemilihan sampel adalah berdasarkan kepada dialog yang mengandungi unsur budaya tempatan, idiom dan kiasan, istilah jenayah, ekspresi emosi, humor, serta loghat atau dialek. Analisis dilakukan melalui pengekodan strategi terjemahan Vinay & Darbelnet (1958), pengkelasan jenis kesepadanan (equivalence), penilaian keberkesanan skopos, serta analisis kritikal aspek bahasa, budaya, dan kesan emosi. Dapatan menunjukkan bahawa penterjemah banyak menggunakan terjemahan literal, yang sesuai untuk ayat penyataan biasa, tetapi lemah apabila menterjemahkan dialog yang melibatkan unsur budaya, sindiran, dan emosi. Kesalahan leksikal kritikal juga ditemui, seperti terjemahan "korup" sebagai تالف dan "bersurai" sebagai مرفوض. Kajian ini menegaskan keperluan penterjemah sari kata menyesuaikan antara kesepadanan formal (formal equivalence) dengan kesepadanan dinamik (dynamic equivalence) serta memberi keutamaan kepada tujuan penterjemahan (Skopos), supaya maksud filem dapat difahami secara tepat dan berkesan oleh penonton Arab.*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Kata Kunci: *sari kata, terjemahan Melayu–Arab, kesepadanan, skopos, persampelan bertujuan*

Abstract. *This study analyzes the Malay–Arabic subtitle translation of the film Sheriff: Narko Integriti (2024) using the framework of Nida's Equivalence Theory (1964) and Vermeer's Skopos Theory (2000). The data consist of 60 dialogues extracted through purposive sampling from the time span 0:00–1:24:15 (out of the film's total runtime of 2:14:16). The sample selection was based on dialogues containing local cultural elements, idioms and metaphors, criminal terminology, emotional or humorous expressions, as well as dialectal or colloquial features. The analysis was conducted by coding translation strategies according to Vinay and Darbelnet (1958), classifying types of equivalence, assessing the effectiveness of skopos, and critically examining linguistic, cultural, and emotional aspects. The findings indicate that the translator frequently employed literal translation, which was effective for straightforward declarative sentences but less successful when dealing with culture-specific expressions, irony, and emotional nuance. Critical lexical errors were also identified, such as translating "korup" as تالف and "bersurai" as مرفوض. The study underscores the necessity for subtitlers to balance formal equivalence with dynamic equivalence while prioritizing the skopos of translation, so that the intended meaning of the film can be conveyed accurately and effectively to Arabic-speaking audiences.*

Keywords: *subtitles, Malay–Arabic translation, equivalence, skopos, purposive sampling*

Pengenalan

Sheriff: Narko Integriti (2024) arahan Syafiq Yusof ialah filem jenayah dan aksi yang bertemakan integriti dan rasuah dalam konteks siasatan narkotik. Naratifnya melibatkan pertentangan antara polis, pemberi maklumat dan sindiket (antaranya "Tony Ifrit" dan "Kapak"), dengan konflik moral yang memperhebat ketegangan dramatik. Dialog-dialog dalam filem ini sarat dengan slanga, makian dan rujukan budaya tempatan termasuk istilah jenayah dan laras bahasa kepolisian serta adegan beremosi (kemarahan, sindiran, humor sinis) yang menggerakkan ritma dramatik. Daripada sudut bahasa, filem ini mempamerkan campuran ujaran baku dan dialek/laras lisan bandar, sekali gus menonjolkan cabaran penterjemahan sari kata, pemadatan makna di bawah kekangan ruang dan masa, pemindahan idiom dan makian, serta pengekalan kesan emosi pada penonton sasaran.

Permasalahan Kajian

Perkembangan pelantar (*platform*) penstriman digital dan perkhidmatan *over-the-top* (OTT) telah mengubah kedudukan sari kata daripada unsur sokongan teknikal kepada komponen utama dalam edaran kandungan audiovisual rentas bahasa. Secara empirikal, Netflix melaporkan lebih 300 juta keahlian berbayar global pada akhir 2024 (Netflix, Inc., 2025), manakala laporan industri bahasa terus meletakkan penyetempatan media *(media localisation),* pembuatan sari kata *(subtitling)* dan alih suara *(dubbing)* sebagai antara segmen penting dalam pasaran perkhidmatan bahasa global (Nimdzi Insights, 2024). Dalam konteks ini, penterjemahan audiovisual bukan lagi isu kecil pada peringkat teks, sebaliknya berkait langsung dengan kebolehaksesan kandungan, mobiliti budaya, strategi pasaran, dan penerimaan penonton antarabangsa (Díaz Cintas & Remael, 2021; Pérez-González, 2014). Namun, peluasan permintaan industri ini tidak diimbangi oleh jumlah kajian empirikal yang memadai tentang penterjemahan sari kata daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab, khususnya bagi filem Melayu kontemporari.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Sorotan kajian menunjukkan bahawa penyelidikan penterjemahan audiovisual lebih banyak tertumpu pada pasangan bahasa dominan seperti Inggeris–Sepanyol, Inggeris–Arab, atau bahasa-bahasa Eropah, serta isu umum seperti pemadatan, kelajuan bacaan, kebolehbacaan, penapisan budaya dan alih suara (Chaume, 2012; Hanna, El-Farahaty, & Khalifa, 2020; Pérez-González, 2014). Dalam konteks Arab, perbincangan banyak berkisar pada cabaran diglosia Arab baku dan dialek, tabu, jenaka, serta penyesuaian budaya. Dalam konteks Malaysia pula, kajian filem dan budaya Melayu telah membincangkan identiti, adat dan representasi sosial (Khoo, 2010; Van der Heide, 2002), tetapi hubungan antara dialog filem Melayu, sari kata Arab dan kesan komunikasi terhadap penonton Arab masih belum dianalisis secara sistematik. Jurang ini memperlihatkan keperluan untuk mengalihkan kajian daripada huraian naratif umum kepada analisis tekstual yang lebih terukur dan berpandukan data.

Masalah utama yang hendak ditangani dalam kajian ini ialah kecenderungan terjemahan sari kata untuk bergantung pada padanan literal apabila berhadapan dengan dialog yang sarat dengan slanga, idiom, makian, istilah jenayah, humor, sindiran, dialek dan rujukan budaya tempatan. Dalam filem *Sheriff: Narko Integriti* (2024), dialog seperti "Kau jangan kencing aku!", "Ingat, jangan sampai kantoi", "*Follow* beruk-beruk ini", "Kau tak malu ker?" dan "Bersurai" bukan sekadar membawa makna leksikal, tetapi turut membawa fungsi pragmatik seperti ancaman, penghinaan, sindiran, arahan dan tekanan emosi. Apabila unsur ini diterjemahkan secara terlalu *literal* (harfiah) atau melalui padanan yang tidak tepat, kesan naratif dan dramatik boleh berubah. Kesalahan seperti "*corrupt*" diterjemahkan sebagai تالف, "bersurai" sebagai مرفوض, "kan?" sebagai يمين؟ dan "Letakkan senjata anda!" sebagai اخماد سلاحك menunjukkan bahawa masalah terjemahan yang dikaji bukan bersifat kosmetik, tetapi melibatkan kegagalan fungsi komunikasi.

Daripada sudut akademik, kelemahan ini perlu dianalisis melalui kerangka yang mampu menghubungkan bentuk bahasa, fungsi komunikasi dan tujuan penterjemahan. Teori Equivalence Nida membolehkan kajian menilai sama ada terjemahan cenderung kepada kesepadanan formal atau kesepadanan dinamik, manakala Teori Skopos Vermeer membolehkan penilaian dibuat berdasarkan sejauh mana sari kata mencapai tujuan komunikasi kepada penonton sasaran. Walau bagaimanapun, kedua-dua teori ini perlu diperkukuh dengan penandaan strategi mikro secara empirikal. Oleh itu, kajian ini membezakan dirinya daripada kajian terdahulu dengan menggabungkan tiga aras analisis, iaitu strategi Vinay dan Darbelnet, jenis kesepadanan Nida, dan pencapaian Skopos, serta menilai setiap dialog berdasarkan isu bahasa, budaya dan emosi melalui matriks pengekodan yang jelas.

Keperluan kajian ini turut berkait dengan latihan penterjemah audiovisual. Permintaan industri terhadap sari kata rentas bahasa menuntut penterjemah yang bukan sahaja menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran, tetapi juga memahami kekangan masa dan ruang sari kata, laras Arab fusha berbanding dialek, pemadatan maklumat, pemindahan jenaka *(humor)*, serta sensitiviti budaya dan emosi. Tanpa data empirikal tentang kesilapan sebenar dalam pasangan bahasa Melayu–Arab, latihan penterjemah berisiko kekal umum dan tidak berpijak pada masalah praktikal yang berlaku dalam teks audiovisual tempatan. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menganalisis 60 dialog terpilih daripada *Sheriff: Narko Integriti* (2024) secara bertujuan, berasaskan kategori budaya tempatan, idiom/kiasan, istilah jenayah, emosi/*humor* dan loghat/dialek. Pendekatan ini membolehkan kajian memberi sumbangan bukan sahaja kepada teori penterjemahan audiovisual Melayu–Arab, tetapi juga kepada pembangunan garis panduan latihan penterjemah sari kata yang lebih berasaskan bukti.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Persoalan Kajian

Berdasarkan konteks tersebut, kajian ini dirangka untuk menjawab beberapa persoalan utama. Pertama, apakah strategi terjemahan yang digunakan dalam sari kata bahasa Melayu–bahasa Arab bagi filem ini? Kedua, bagaimana bentuk kesepadanan makna (*equivalence*) dapat dikenalpasti dalam terjemahan tersebut? Ketiga, sejauh mana terjemahan yang dihasilkan mencapai tujuan komunikasi (*Skopos*) filem? Akhir sekali, apakah kelemahan yang dominan daripada aspek bahasa, budaya, dan emosi dalam penterjemahan tersebut? Persoalan-persoalan ini penting kerana ia boleh menyingkap sama ada terjemahan hanya menekankan aspek bentuk semata-mata atau turut mempertimbangkan konteks penonton sasaran sebagaimana dianjurkan oleh Teori Skopos (Vermeer, 2000).

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana beberapa sebab utama. Pertama, ia memberi sumbangan kepada bidang penterjemahan audiovisual antara bahasa Melayu dan bahasa Arab yang masih jarang diterokai, berbanding kajian terjemahan Melayu–Inggeris atau Inggeris–Arab yang lebih banyak dilakukan. Kedua, kajian ini membantu memperlihatkan cabaran nyata dalam menterjemahkan idiom, unsur budaya, dan bahasa kasar dalam filem Melayu yang sering kali sukar dipadankan secara langsung ke dalam bahasa Arab. Hal ini selari dengan pandangan Nida (1964) bahawa terjemahan bukan sahaja soal padanan perkataan, tetapi juga soal kesan komunikasi terhadap khalayak sasaran. Ketiga, dapatan kajian ini dapat memberi panduan praktikal kepada penterjemah agar lebih peka terhadap konteks *Skopos*, sekali gus meningkatkan keberkesanan komunikasi filem lintas budaya.

Sorotan Literatur

Perkembangan penterjemahan audiovisual (AVT) pada masa kini menunjukkan perubahan paradigma daripada amalan sari kata sebagai pemindahan teks yang ringkas kepada satu bentuk mediasi antara bahasa, budaya, teknologi dan pengalaman tontonan. Literatur klasik AVT menekankan kekangan ruang, masa, segmentasi dan kebolehbacaan sebagai faktor yang menentukan strategi sari kata (Chaume, 2012; Díaz Cintas & Remael, 2021; Pérez-González, 2014). Namun, perdebatan mutakhir tidak lagi tertumpu kepada aspek teknikal semata-mata. Kemunculan platform penstriman, pengedaran kandungan rentas negara dan permintaan lokalisasi secara besar-besaran telah menjadikan AVT sebagai industri bahasa yang sangat bergantung pada kepantasan, standard kualiti, teknologi dan latihan penterjemah (Díaz Cintas, 2018; Orrego-Carmona, 2018; Motion Picture Association, 2024; Netflix, 2025; Nimdzi Insights, 2024). Dalam konteks ini, isu utama bukan sekadar sama ada sari kata itu "tepat", tetapi sejauh mana ia mampu mengekalkan fungsi dramatik, nilai budaya dan kesan emosi dalam persekitaran tontonan global. Perdebatan kritikal pertama dalam bidang ini ialah ketegangan antara norma teknikal sari kata dengan tuntutan makna pragmatik. Díaz Cintas dan Remael (2021) menegaskan bahawa sari kata perlu padat, mudah dibaca dan selaras dengan paparan skrin. Walau bagaimanapun, pemadatan yang berlebihan berisiko menghapuskan unsur pragmatik seperti sindiran, kemarahan, penghinaan, *humor* dan penanda hubungan sosial. Chaume (2012) pula melihat AVT sebagai teks berbilang mod (*multimodal*), iaitu makna tidak hanya hadir melalui kata-kata, tetapi juga melalui visual, intonasi, gerak tubuh dan suasana adegan. Oleh itu, terjemahan sari kata yang kelihatan betul secara leksikal masih boleh gagal sekiranya tidak mengaktifkan kesan dramatik yang sama kepada penonton sasaran. Perbahasan ini penting bagi kajian Sheriff: Narko Integriti kerana filem jenayah dan aksi lazimnya bergantung pada dialog beremosi tinggi, ancaman, slanga dan sindiran sebagai penggerak naratif.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Perdebatan kedua adalah berkaitan penggunaan teknologi dan aliran kerja industri. Kajian tentang teknologi terjemahan menunjukkan bahawa mesin terjemahan, templat lokalisasi dan aliran kerja *platform* dapat mempercepat penghasilan sari kata, tetapi pada masa yang sama boleh mengukuhkan kecenderungan *literal* dan melemahkan keputusan penterjemahan yang berasaskan konteks (Bywood, Georgakopoulou, & Etchegoyhen, 2017; Doherty, 2016). Moorkens (2020) turut mengkritik model kerja industri bahasa yang terlalu berorientasikan produktiviti kerana boleh mengecilkan peranan penterjemah sebagai pembuat keputusan budaya. Dalam konteks AVT, isu ini sangat relevan kerana penterjemah bukan sahaja perlu tahu bahasa, tetapi juga perlu mentafsir maksud tersirat, nilai tabu, humor, intensiti (kekuatan) emosi, serta hubungan teks dengan imej dan bunyi. Maka, kesilapan seperti padanan *literal* yang salah atau kehilangan nada bukan sekadar kesilapan bahasa, tetapi petunjuk kepada kelemahan kompetensi AVT dan keperluan latihan penterjemah yang lebih khusus.

Daripada sudut teori, Equivalence Theory Nida (1964) dan Skopos Theory Vermeer (1989/2000) menyediakan dua kerangka yang sering digunakan untuk menilai keberkesanan terjemahan. Nida membezakan kesepadanan formal yang mengekalkan bentuk teks sumber dengan kesepadanan dinamik yang menekankan kesan terhadap audiens sasaran. Namun, dalam AVT, pembahagian ini tidak boleh digunakan secara mekanikal. Kesepadanan formal mungkin sesuai untuk dialog informatif atau arahan langsung, tetapi boleh gagal apabila dialog sumber mengandungi slanga, makian, idiom atau *humor*. Sebaliknya, kesepadanan dinamik memberi ruang adaptasi, tetapi jika tidak dikawal boleh menyebabkan perubahan imej budaya atau pelembutan nada yang tidak setia kepada fungsi adegan. Teori Skopos pula menekankan tujuan komunikasi sebagai asas pemilihan strategi, tetapi pendekatan ini juga menimbulkan persoalan kritikal: sejauh mana penterjemah boleh menyesuaikan budaya sasaran tanpa mengubah karakter, konflik dan suasana asal filem? Oleh itu, kajian ini tidak menggunakan teori tersebut secara deskriptif, sebaliknya menggabungkannya dengan strategi mikro Vinay dan Darbelnet (1995/2004) untuk melihat bagaimana pilihan teknikal penterjemah menghasilkan kesan formal, dinamik atau kegagalan skopos pada aras dialog.

Dalam konteks Arab, perdebatan sari kata menjadi lebih kompleks kerana bahasa Arab berfungsi dalam spektrum diglosia antara Arab baku (fuṣḥā) dan dialek (‘āmmiyyah). Penggunaan fuṣḥā dalam sari kata dapat menjangkau penonton Arab merentas negara, tetapi ia sering melemahkan kespontanan dialog lisan, makian, *humor* jalanan dan ekspresi emosi yang kuat (Haeri, 2003; Hanna, El-Farahaty, & Khalifa, 2020). Sebaliknya, penggunaan dialek boleh menjadikan dialog lebih semula jadi, tetapi berisiko mengehadkan kefahaman kepada wilayah tertentu. Kajian Al-Adwan (2021) tentang sari kata Arab di Netflix menunjukkan kecenderungan *informalisation* (peralihan kepada gaya tidak formal), iaitu peningkatan penggunaan bentuk yang lebih dekat dengan kelisanan bagi menyesuaikan pengalaman penonton penstriman. Namun, peralihan ini bukan penyelesaian mutlak kerana penterjemah masih perlu mengimbangi norma kebolehterimaan, kesantunan, tabu dan standard bahasa dalam pasaran Arab yang luas.

Isu tabu, makian dan disfemisme turut menjadi perbahasan utama dalam terjemahan Arab. Kajian Al-Azzam (2005) dan huraian Ghazala (2014) menunjukkan bahawa unsur makian, konotasi budaya dan makna idiomatik sering tidak dapat dipindahkan secara literal tanpa mengubah kesan pragmatik. Dalam sari kata, kecenderungan untuk melembutkan makian mungkin menjadikan terjemahan lebih sopan, tetapi tindakan itu boleh melemahkan konflik dramatik, mengubah imej watak dan mengurangkan intensiti adegan. Pada masa yang sama, adaptasi yang terlalu bebas juga boleh mengubah medan konotasi asal, misalnya apabila

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

penghinaan berasaskan imej haiwan dalam budaya sumber diganti dengan imej haiwan lain yang membawa nilai rasa berbeza dalam budaya sasaran (Allan & Burridge, 2006; Dickins, Hervey, & Higgins, 2016). Justeru, penilaian sari kata perlu bergerak daripada soalan "adakah makna kamusnya sama?" kepada soalan yang lebih analitikal, iaitu "adakah fungsi penghinaan, sindiran atau ancaman itu sampai kepada penonton sasaran dengan kesan yang setara?"

Perbincangan tentang unsur budaya juga memperlihatkan ketegangan antara strategi domestikasi (menyesuaikan teks atau kandungan asing supaya serasi dengan budaya, norma, dan gaya bahasa audiens sasaran) dan pengekalan keasingan budaya. Baker (2018) menegaskan bahawa padanan idiom dan budaya jarang bersifat satu lawan satu kerana setiap bahasa membawa sistem nilai, metafora dan pengalaman sosial yang tersendiri. Bagi filem Malaysia, cabaran ini lebih jelas kerana dialog Melayu kontemporari sering menggabungkan bahasa baku, slanga bandar, dialek, unsur Inggeris, sapaan hierarki, makian, idiom tempatan dan rujukan budaya Melayu. Literatur tentang sinema Malaysia telah menegaskan bahawa filem tempatan sering menjadi ruang pertembungan identiti, adat, kemodenan dan budaya popular (Khoo, 2010; Van der Heide, 2002). Namun, perbincangan tersebut lebih banyak menumpukan aspek sinematik dan budaya, bukan analisis empirikal terhadap bagaimana unsur tersebut dipindahkan ke dalam sari kata Arab. Inilah jurang yang menyebabkan kajian Melayu-Arab dalam AVT perlu dibina atas data dialog sebenar, bukan andaian umum tentang kesukaran budaya.

Berdasarkan sorotan ini, kedudukan akademik kajian ini dapat dirumuskan dengan lebih jelas. Pertama, kajian AVT global banyak membincangkan norma teknikal, platform digital dan teknologi, tetapi kurang memberi tumpuan kepada pasangan bahasa Melayu-Arab. Kedua, kajian Arab lebih kerap meneliti pasangan Arab-Inggeris atau terjemahan kandungan Barat ke Arab, sedangkan pemindahan budaya daripada filem Melayu kontemporari ke bahasa Arab masih belum diteroka secara sistematik. Ketiga, kajian sinema Malaysia pula kaya dengan perbincangan budaya dan identiti, tetapi tidak menilai sari kata Arab sebagai produk penterjemahan audiovisual. Oleh itu, kajian ini berbeza kerana ia menggabungkan analisis strategi mikro, kesepadanan formal/dinamik, penilaian skopos dan matriks pengekodan penuh terhadap 60 dialog filem Sheriff: Narko Integriti. Dengan cara ini, sorotan literatur tidak hanya menjadi latar belakang teori, tetapi membina justifikasi bahawa kajian ini mengisi jurang empirikal, metodologi dan latihan profesional dalam penterjemahan sari kata Melayu-Arab.

Instrumen dan Bahan Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada empat komponen utama. Pertama, sari kata asal filem Sheriff: Narko Integriti (2024) dalam bahasa Melayu. Kedua, sari kata bahasa Arab yang dipaparkan pada skrin tayangan. Ketiga, matriks pengekodan penuh yang dimasukkan terus dalam bahagian metodologi dan memuatkan semua maklumat analisis bagi 60 dialog, iaitu pasangan dialog, strategi terjemahan, jenis kesepadanan, penilaian Skopos dan analisis kritikal. Keempat, panduan pengekodan pengukuran yang dibina berasaskan Teori Equivalence Nida (1964), Teori Skopos Vermeer (2000), serta tipologi strategi Vinay dan Darbelnet (1958). Penggunaan panduan pengekodan ini memastikan setiap dialog dianalisis dengan kategori yang sama dan mengurangkan risiko tafsiran yang berubah-ubah antara item.

Persampelan dan Justifikasi Saiz Sampel

Persampelan dilakukan secara dua peringkat. Peringkat pertama ialah persampelan berasaskan masa, iaitu menetapkan kerangka data daripada minit 0:00 hingga 1:24:15 daripada jumlah tempoh tayangan 2:14:16. Rentang ini merangkumi kira-kira 62.8% daripada keseluruhan filem dan meliputi bahagian awal hingga pertengahan naratif, termasuk adegan siasatan, konflik,

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

arahan kepolisian, sindiran, ancaman dan interaksi emosi. Peringkat kedua ialah persampelan bertujuan bagi memilih 60 dialog yang paling kaya maklumat dan memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada lima kriteria berikut: unsur budaya tempatan, idiom/kiasan/metafora, istilah teknikal atau jenayah, ekspresi emosi atau humor, serta loghat atau dialek.

Saiz sampel 60 dialog dijustifikasikan secara metodologi atas empat pertimbangan. Pertama, kajian ini ialah kajian kes penterjemahan sari kata bagi sebuah filem, maka keutamaan diberikan kepada information-rich cases, bukan pensampelan rawak (Patton, 2015). Kedua, jumlah 60 dialog memadai untuk mencapai ketepuan kategori kerana lima kategori utama yang dicari telah berulang dan memperlihatkan pola yang stabil dalam data, khususnya masalah bahasa, budaya dan emosi. Ketiga, 60 unit dialog menyediakan saiz korpus yang seimbang: cukup besar untuk membolehkan pengiraan frekuensi dan peratusan asas, tetapi masih cukup terkawal untuk analisis mikro yang terperinci terhadap strategi, equivalence, skopos dan cadangan padanan Arab. Keempat, dalam analisis kandungan audiovisual, unit masa dan unit ujaran boleh digunakan sebagai asas pemilihan data berterusan (Krippendorff, 2018; Neuendorf, 2017; Riffe, Lacy, & Fico, 2014). Oleh itu, N=60 dianggap sesuai dengan objektif kajian yang bersifat analitik dan interpretif, iaitu mengenal pasti pola strategi serta isu penterjemahan, bukan membuat generalisasi statistik terhadap semua dialog dalam filem.

Keterbatasan ketiadaan segmen akhir diminimumkan melalui pemilihan adegan yang mempunyai fungsi naratif serupa seperti konflik, puncak emosi, perintah, sindiran dan rujukan budaya. Dengan cara ini, sampel masih mengekalkan variasi fungsi komunikasi yang diperlukan untuk menguji keberkesanan Equivalence dan Skopos dalam sari kata Melayu-Arab.

Pengukuran (*Measurement*) dan Panduan Pengekodan

Setiap dialog dalam matriks pengekodan penuh diberi ID analisis D01 hingga D60 mengikut susunan kemunculannya. Pengekodan dibuat pada dua aras. Aras pertama ialah kod deskriptif, iaitu dialog asal, terjemahan Arab dan konteks ringkas ujaran. Aras kedua ialah kod analitik, iaitu strategi Vinay & Darbelnet, jenis *equivalence*, pencapaian Skopos, kategori isu dominan dan cadangan terjemahan alternatif. Jadual 1 memperincikan konstruk pengukuran yang digunakan, manakala Jadual 3 hingga jadual 5 memaparkan keseluruhan hasil pengekodan dialog.

Jadual 1: Panduan Pengukuran dan Pengekodan Terjemahan Sari Kata

Konstruk/Kod	Definisi operasi	Kategori keputusan	Asas rujukan
Strategi terjemahan	Teknik mikro yang digunakan untuk memindahkan dialog BM kepada Arab.	Literal, borrowing, calque, transposition, modulation, equivalence, adaptation, salah padanan/salah konteks.	Vinay & Darbelnet
Jenis equivalence	Tahap tumpuan terjemahan sama ada pada bentuk teks sumber atau kesan kepada penonton sasaran.	Formal equivalence atau dynamic equivalence.	Nida
Pencapaian skopos	Keupayaan sari kata menyampaikan fungsi komunikasi dialog: makna, nada, emosi dan tujuan adegan.	Tercapai, sebahagiannya tercapai, tidak tercapai.	Vermeer
Isu dominan	Jenis masalah utama yang paling mempengaruhi kualiti terjemahan bagi sesuatu dialog.	Bahasa, budaya, emosi/humor; satu isu dominan dipilih bagi pengiraan utama.	Analisis kandungan
Analisis kritikal	Huraian sebab sesuatu padanan dianggap tepat, separa tepat atau gagal serta cadangan padanan Arab yang lebih sesuai.	Catatan kualitatif dan cadangan alternatif.	Triangulasi teori + konteks adegan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Contoh Proses Pengekodan Berdasarkan Matriks Pengekodan Penuh

Proses pengekodan dilakukan secara berurutan. Mula-mula, dialog asal dan sari kata Arab dipadankan. Seterusnya, strategi terjemahan dikenal pasti. Kemudian, jenis *equivalence* ditentukan berdasarkan sama ada terjemahan mengekalkan bentuk asal atau menyesuaikan kesan kepada penonton sasaran. Selepas itu, Skopos dinilai dengan melihat sama ada fungsi komunikasi adegan masih tercapai. Akhir sekali, isu dominan dan cadangan terjemahan alternatif dicatatkan. Jadual 2 menunjukkan contoh proses pengekodan yang diambil daripada matriks pengekodan penuh; prosedur yang sama digunakan terhadap keseluruhan 60 dialog.

Jadual 2: Contoh Proses Pengekodan Berdasarkan Matriks Pengekodan Penuh

ID	Data daripada Matriks Pengekodan Penuh	Kod strategi / equivalence	Skopos & isu	Rasional pengekodan
D04	"Kau ingat aku bodoh ker?" → هل تعتقد أنني أحمق؟	Literal / Formal	Sebahagiannya; emosi	Makna asas sampai, tetapi nada konfrontasi BM menjadi kurang kasar. Cadangan غبي lebih provokatif.
D13	"Kan?" → يمين؟	Literal salah padanan / Formal	Tidak tercapai; bahasa	يمين bermaksud kanan/sumpah, bukan partikel pengesahan "kan?". Padanan lebih tepat: أليس كذلك؟
D25	"Letakkan senjata anda!" → إخماد سلاحك!	Salah padanan / Formal	Tidak tercapai; bahasa	إخماد bermaksud memadamkan, bukan meletakkan atau menjatuhkan senjata. Padanan perintah: ألق سلاحك!
D35	"Follow beruk-beruk ini." → لمتابعة هذه الكلاب	Adaptation salah imej / Dynamic	Tidak tercapai; budaya	Imej makian berubah daripada beruk/monyet kepada anjing; konotasi budaya dan penghinaan asal berubah.
D37	"Ingat, jangan sampai kantoi." → تذكر، لا ننشغل	Salah konteks / Formal	Tidak tercapai; bahasa-budaya	"Kantoi" bermaksud terbongkar/tertangkap, bukan "jangan sibuk". Cadangan: إياك أن ينكشف أمرك.
D49	"Kau jangan kencing aku!" → لا تكذب علي	Adaptation / Dynamic	Tidak tercapai; emosi	Makna "jangan bohong" ada, tetapi slanga kasar dan kemarahan dialog asal menjadi terlalu sopan.
D56	"Corrupt." → تالف	Literal salah padanan / Formal	Tidak tercapai; bahasa	تالف merujuk rosak fizikal, sedangkan corrupt dalam konteks moral/rasuah ialah فاسد.
D57	"Bersurai." → مرفوض	Literal salah padanan / Formal	Tidak tercapai; bahasa	مرفوض bermaksud ditolak, sedangkan "bersurai" sebagai arahan lebih tepat diterjemahkan انصرفوا.

Matriks Pengekodan Penuh Dialog Kajian

Jadual 3 hingga jadual 5 memasukkan keseluruhan maklumat analisis dialog ke dalam bahagian metodologi/pengekodan. Matriks ini berfungsi sebagai jejak audit utama kerana setiap unit data dipaparkan bersama dialog sumber, sari kata Arab, strategi terjemahan, jenis *equivalence*, penilaian Skopos dan analisis kritikal. Dengan meletakkan matriks penuh di bahagian metodologi, proses *measurement* menjadi lebih telus dan pembaca dapat menilai secara langsung bagaimana setiap keputusan pengekodan dibuat.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Jadual 3: Matriks Pengekodan Penuh Dialog 1–20

ID & Dialog Asal (BM)	Terjemahan (Arab)	Strategi	Jenis Equivalence	Penilaian Skopos	Analisis Kritikal
D01. Kau bekerja dengan dia selama ini.	لقد كنت تعمل لصالحه طوال هذا الوقت	Literal Translation	Formal	Tercapai	Tepat secara semantik, kesan dramatik kekal.
D02. Aku datang nak jumpa dengan informer aku.	لقد جئت لرؤية مخبرتي	Literal + Borrowing (informer→مخبرة)	Formal	Sebahagiannya	Tepat secara makna, tetapi "informer" sepatutnya maskulin (مخبر) mengikut konteks cerita.
D03. Lebih baik kau pergi sekarang.	من الأفضل أن تغادر الآن	Literal	Formal	Tercapai	Tepat dan berfungsi baik, nada ancaman lembut sedikit berbanding BM. Cadangan: من الأفضل أن ترحل الآن digunakan menggantikan من الأفضل أن تغادر الآن kerana ترحل memberi makna lebih tegas dan beremosi, manakala تغادر lebih neutral. Pemilihan ini disokong oleh kamus Lisān al-ʿArab dan al-Muʿjam al-Wasīṭ, serta pandangan sarjana bahasa Arab.
D04. Kau ingat aku bodoh ker?	هل تعتقد أنني أحمق؟	Literal	Formal	Sebahagiannya	Terjemahan asal menggunakan أحمق tepat secara semantik tetapi kurang memberi kesan emosi. Disarankan guna غبي kerana ia lebih kasar, provokatif, dan sesuai dengan konteks konfrontasi.
D05. Sedap kau makan rasuah selama ni?	مع الرشوة التي كنت تأخذها	Modulation	Dynamic	Tidak tercapai	Hilang nada sinis, hanya jadi ayat pernyataan. Lebih sesuai: "أكنت تستمتع بالرشاوى طوال هذا الوقت؟".
D06. Kau tak malu ker?	ألا تشعر بالخجل؟	Literal	Dynamic	Sebahagiannya	"ألا تشعر بالخجل؟" tepat secara semantik tetapi terlalu sopan. Disarankan guna "ألا تخجل؟" kerana ia lebih kasar dan provokatif.
D07. Kau dah gila, Naz!	أنت فقدت عقلك يا ناز!	Literal	Formal	Sebahagiannya	Tepat tetapi kurang kesan marah. Lebih kuat: "أنت مجنون يا ناز!".
D08. Orang macam kau tak layak jadi polis.	الناس مثلك لا يصلحون ليكونوا ضباط شرطة	Literal	Formal	Tercapai	Terjemahan baik, makna dan kesan sosial kekal.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

D09. Malam ini juga aku akan buat surat, besok juga kau akan digantung!	سأكتب لك الليلة وغدا سيتم ايقافك!	Transposition	Dynamic	Sebahagiannya	Makna disampaikan, tetapi hilang nada ancaman segera. Lebih sesuai: "سأرفع تقريرًا الليلة وغدًا ستُعلّق عن العمل!".
D10. Boleh?	ربما أنا؟	Literal (salah konteks)	Formal	Tidak tercapai	"Boleh?" = izin, tapi diterjemah "Mungkin saya?". Salah makna. Sepatutnya "هل يمكن؟".
D11. Sudah tentu, tuan.	بالطبع يا سيدي	Equivalence	Formal	Tercapai	Terjemahan tepat. Fungsi suffix (akhiran) "ـي" (Ya' al-Mutakallim) pada perkataan سيد menandakan penghormatan & hierarki.
D12. Sam Wukong belanja ker?	بإذن من سام ووكونج؟	Borrowing + Salah interpretasi	Formal	Tidak tercapai	"Belanja" (traktir) diterjemah "izin". Hilang maksud. Lebih tepat: "هل سيدفع سام ووكونج الحساب؟" atau "هل سيعزمنا سام ووكونج؟".
D13. Kan?	يمين؟		Formal	Tidak tercapai	"Kan?" dalam BM bermaksud "betul kan?" atau permintaan pengesahan. Terjemahan "يمين؟" bermaksud "sumpah?" atau "kanan?". Hilang maksud. Sepatutnya "أليس كذلك؟".
D14. Jadi sekarang, tuan nak tuduh saya ker?	والآن هل تتهمني؟	Literal	Formal	Tercapai	Tepat, nada dramatik kekal.
D15. Yang ada nama kau elok jer kat sini.	واسمك هنا	Literal	Formal	Sebahagian nya	Makna dasar tepat, tapi nada menyindir "elok jer" hilang. Cadangan: واسمك هنا بكل راحة (Nama kau ada di sini dengan senangnya) – sindiran lembut.
D16. Macam mana ni?	فماذا الآن؟	Literal	Dynamic	Tercapai	Sama makna dan nada kebimbangan terjaga.
D17. Confirm minta cerai!	أنا متأكد من أنها استطلب الطلاق!	Modulation	Dynamic	Tercapai	Makna tepat. Nada "Confirm" diterjemah sebagai "متأكد", sesuai.
D18. Confirm cerai.	سوف تكون مطلقة بالتأكيد	Modulation	Dynamic	Tercapai	Terjemahan sepadan, makna kekal.
D19. Habis!	لقد انتهيت!	Literal	Formal	Sebahagian nya	Terjemahan betul secara makna, tapi BM lebih emosional. Arab

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

					terdengar neutral. Cadangan: لقد انتهى كل شيء! (“Habis! Semuanya tamat!”)
D20. Itu lah, siapa suruh makan rasuah.	هذا ما تحصل عليه مقابل تلقي الرشاوى	Modulation	Dynamic	Sebahagiannya	Makna ada, tapi kehilangan nada menyalahkan. Lebih sesuai: “هذا جزاء من يقبل الرشاوى”.

Jadual 4: Matriks Pengekodan Penuh Dialog 21–40

ID & Dialog Asal (BM)	Terjemahan (Arab)	Strategi	Jenis Equivalence	Penilaian Skopos	Analisis Kritikal
D21. Ke dalam kau ni.	أنت ذاهب إلى السجن	Adaptation	Dynamic	Tercapai	Terjemahan tepat walaupun bentuk asal kasar “ke dalam” (slang). Arab lebih formal tapi mesej sampai. Cadangan: ستدخل السجن! atau إلى الداخل أنت! (lebih dekat dengan slang BM)
D22. Duduk dulu, tak habis cakap lagi ni.	تفضل بالجلوس، لم ننتهي بعد	Literal	Dynamic	Tercapai	Terjemahan baik, kesan arahan kekal. Cadangan lain: اجلس أولًا، لم ننته بعد
D23. Kau boleh lah!	من السهل عليك أن تقول!	Modulation	Dynamic	Sebahagiannya	BM bernada sinis, Arab terdengar neutral. Boleh diperkuat dengan “سهلٌ عليك الكلام فقط!” (Cakap memang senang!).
D24. Kau nak lari ke mana?	إلى أين تعتقد أنك ذاهب؟	Literal	Formal	Tercapai	Makna dan nada sesuai, terjemahan berjaya.
D25. Letakkan senjata anda!	اخماد سلاحك!	Salah padanan	Formal	Tidak tercapai	Terjemahan tidak tepat; “اخماد” = padamkan. Sepatutnya: “ألق سلاحك!”.
D26. Kau pangkat tinggi!	أنت من رتبة أعلى!	Literal	Formal	Sebahagiannya	Makna betul tetapi kehilangan sindiran. BM bernada marah. Cadangan: أكيد رتبتك عالية!
D27. Kau ingat gaji aku cukup ker?	هل تعتقد أن راتبي يكفي؟	Literal	Formal	Tercapai	Tepat semantik, nada sinis masih sampai. Cadangan lain: أنت فاكر راتبي يكفي؟
D28. Gaji tak cukup pulak?	الراتب لا يكفي؟	Literal	Formal	Tercapai	Tepat. Nada dialog asal selari. Boleh juga: ألم يكفِ الراتب؟
D29. -Tuan. -Ya.	-سيد. -نعم-	Literal	Formal	Tercapai	Ringkas dan tepat, mesej kekal, tetapi agak kering tanpa penanda sapaan. Lebih baik gunakan “يا سيدي” kerana lebih semula jadi dalam konteks dialog lisan, mengekalkan nada hormat.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

D30. Kalau tak salah aku.	إذا لم أكن مخطئا	Literal	Formal	Tercapai	Sesuai, makna jelas. Cadangan lain: إذا لم أكن على خطأ
D31. Dia adalah orang kanan baru Tony.	إنه اليد اليمنى الجديدة لتوني	Literal	Formal	Tercapai	Tepat, idiom "orang kanan" berjaya disampaikan dengan betul.
D32. Dia ada apa-apa kes?	وهل كان متورطا في كثير من القضايا؟	Modulation	Dynamic	Sebahagiannya	BM lebih neutral ("ada kes?"), Arab → "terlibat dalam banyak kes". Ada penambahan makna. Cadangan: هل تورط في قضية ما؟ (Adakah dia pernah terlibat dalam sesuatu kes?).
D33. Bekerja dengan Tony Ifrit	عملت لدى توني عفريت	Literal + Borrowing	Formal	Tercapai	Tepat, penggunaan nama khas dikekalkan.
D34. Nak tanya kau.	يسألك	Literal	Formal	Tidak tercapai	Arab berbentuk ayat pasif/umum. BM adalah ujaran langsung. "يسألك" bermaksud "dia/ada orang bertanya kepadamu", sepatutnya "أريد أن أسألك".
D35. Follow beruk-beruk ini.	لمتابعة هذه الكلاب	Adaptation (salah imej)	Dynamic	Tidak tercapai	"Beruk" diterjemah jadi "anjing". Hilang unsur penghinaan asal. Sepatutnya "اتبع هؤلاء القرود".
D36. Ayah!	!أب	Literal	Formal	Tercapai	Terjemahan "!أب" semantik tepat tapi kurang natural; "!أبي" atau "!يا أبي" lebih sesuai untuk adegan emosi. Kalimah "!أب" jarang digunakan sebagai jeritan spontan, Arab lebih cenderung guna "!أبي" atau "!يا أبي"
D37. Ingat, jangan sampai kantoi.	تذكر، لا ننشغل	Salah konteks	Formal	Tidak tercapai	"Kantoi" = terbongkar, tetapi diterjemah "jangan sibuk". Hilang maksud. Sepatutnya "إياك أن تنكشف" (Jangan sampai kamu terbongkar) atau "إياك أن يُكشف أمرك" (Jangan sampai rahsiamu terbongkar.)
D38. Blah.	اغرب عن وجهي	Adaptation	Dynamic	Sebahagiannya	BM "Blah." (slanga, makna = "pergi" atau "berambus"), Arab "Pergi jauh dari mukaku". Agak tepat, tetapi lebih kasar daripada asal. Cadangan: "اذهب" untuk kekalkan nada santai, atau "ابتعد" jika mahu kesan tegas tanpa keterlaluan.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

D39. Hei.	يا	Literal	Formal	Tercapai Sebahagiannya	Terjemahan "يا" tepat dari segi literal, tetapi hilang kesan emosional berbanding "Hei!" dalam BM. Cadangan: "مهلاً!" (Hei! / Tunggu sebentar!)
D40. Pecah kepala kau!	سوف أفجر عقلك!	Modulation	Dynamic	Tercapai Sebahagiannya	Terjemahan lebih ekstrem (meletupkan otak). Hilang keaslian ekspresi BM. Lebih sesuai: "سأكسر رأسك!".

Jadual 5: Matriks Pengekodan Penuh Dialog 41–60

ID & Dialog Asal (BM)	Terjemahan (Arab)	Strategi	Jenis Equivalence	Penilaian Skopos	Analisis Kritikal
D41. Kau mandi apa lama sangat ni?	لماذا تأخذ وقتا طويلا؟	Modulation	Dynamic	Tercapai Sebahagiannya	Makna tepat tetapi hilang sindiran "mandi lama sangat". Cadangan: لماذا تستحم كل هذا الوقت؟ (Kenapa kau mandi lama sangat ni?).
D42. Aku nak tumpang kereta kau.	انا بحاجة الى ركوب	Adaptation	Dynamic	Tidak tercapai	"Tumpang kereta" diterjemah menjadi "perlu naik", makna terlalu umum. Sepatutnya أريد أن أركب معك في سيارتك
D43. Habis tu Tony dengan budak-budak dia?	فماذا عن توني وعصابته؟	Adaptation	Dynamic	Tercapai	Terjemahan baik, "budak-budak" jadi "عصابته" (geng), sesuai konteks.
D44. Keluar masuk mahkamah,	داخل وخارج المحكمة	Literal	Formal	Tercapai Sebahagiannya	Dalam BM, frasa "keluar masuk mahkamah" membawa konotasi berulang kali pergi ke mahkamah (kerana kes), bukan sekadar sekali masuk dan keluar. Cadangan: يدخل المحكمة ويخرج منها دائمًا
D45. Terlepas macam tu jer.	تفلت من العقاب	Modulation	Dynamic	Tercapai	Makna sesuai, nada sinis terjaga. Cadangan alternatif: "تفلت هكذا بكل بساطة؟!" ("Terlepas begitu saja?!") lebih sesuai kerana ia menambah ekspresi kekesalan dan sindiran.
D46. Undang-undang apa benda?	عن أي قانون تتحدث؟	Adaptation	Dynamic	Sebahagiannya	Tepat makna, tetapi kehilangan nada marah "apa benda?". Cadangan: أي قانون هذا؟! (Undang-undang apa ni?!).
D47. Jalan!	يقود	Literal (salah bentuk)	Formal	Tidak tercapai	"Jalan!" (perintah) → "يقود" (kata kerja bentuk biasa). Sepatutnya: "انطلق!" atau قد.
D48. Kalau tidak, pecah kepala kau.	إذا لم يكن الأمر كذلك، فسوف أفجر عقلك	Modulation	Dynamic	Sebahagiannya	Makna sampai, tapi Arab lebih ekstrem (letupkan otak). Sepatutnya "سأحطم رأسك".

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

D49. Kau jangan kencing aku!	لا تكذب علي	Adaptation	Dynamic	Tidak tercapai	"Kencing aku" (slanga kasar) jadi "jangan bohong". Nada kasar hilang. Lebih sesuai: لا تخدعني أيها الوغد!
D50. Orang panggil dia Kapak.	يسمونه كاباك	Borrowing	Formal	Tercapai	"Kapak" ialah nama gelaran watak, jadi transliterasi كاباك adalah tepat. Namun, penonton Arab mungkin keliru jika sangka "kapak" = senjata. Jika mahu lebih jelas, boleh tambah frasa penjelasan seperti "يسمونه كاباك، وهو لقبه".
D51. Salah satu budak Tony yang dah naik pangkat.	أحد رجال توني الذين حصلوا على ترقية	Literal	Formal	Tercapai	Terjemahan baik, mesej jelas.
D52. Tetapi macamana kalau.	ولكن ماذا لو	Literal	Formal	Tercapai	Sama makna, tiada masalah.
D53. Ia betul?	انها شرعية؟	Literal (salah konotasi)	Formal	Tidak tercapai	"Betul" = benar, tapi diterjemah "شرعية" (sah dari segi undang-undang). Hilang maksud.
D54. Kita akan jaga area depan.	سوف نعتني بالجبهة	Adaptation	Dynamic	Sebahagiannya	"Area depan" jadi "frontline", lebih tentera daripada konteks lokasi. Cadangan: سوف نؤمّن المنطقة الأمامية
D55. Panggil sheriff pun boleh.	يمكنك فقط الاتصال بي شريف	Adaptation (salah maksud)	Formal	Tidak tercapai	Dialog maksudnya "boleh panggil aku sheriff", diterjemah "boleh hubungi aku Sheriff". Salah konteks. Cadangan: يمكنك أن تناديني شريف atau يكفي أن تقول لي شريف.
D56. Corrupt.	تالف	Literal (salah padanan)	Formal	Tidak tercapai	"Corrupt" = فاسد, bukan "تالف" (rosak fizikal).
D57. Bersurai.	مرفوض	Literal (salah padanan)	Formal	Tidak tercapai	"Bersurai" = انصرفوا, bukan مرفوض = "ditolak".
D58. Eh pergi mampuslah dengan kau punya masalah.	إلى الجحيم مع مشاكلك!	Equivalence	Dynamic	Tercapai	Ungkapan kasar berjaya ditangkap, makna sesuai. Cadangan: اذهب إلى الجحيم بمشاكلك! (Pergi mampuslah dengan masalah kau!).
D59. Hey sial, Mesin aku berjuta la.	جهازي يساوي الملايين، اللعنة	Modulation	Dynamic	Sebahagiannya	Makna tepat, nada makian kurang kuat. Boleh ditambah "أيها اللعين". Cadangan: أيها اللعين، جهازي يساوي الملايين! (Hey sial, mesin aku berjuta!).

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

D60. Sial ini anjing.	كلب غبي	Adaptation	Dynamic	Sebahagiannya	Makna kasar ada, tapi BM lebih umum. Arab menekankan "bodoh". Cadangan: "سحقًا لك أيها الكلب!" (Celaka kau, anjing!)

Kebolehpercayaan (*Reliability*) dan Kesahan (*Validity*)

Kebolehpercayaan pengekodan diperkukuh melalui empat mekanisme. Pertama, semua item dikod menggunakan panduan pengekodan yang sama sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 1. Kedua, prosedur *code-recode* digunakan, iaitu item yang sama disemak semula selepas pusingan awal pengekodan untuk mengesan percanggahan kod strategi, *equivalence* atau Skopos. Ketiga, jejak audit dikekalkan melalui matriks pengekodan penuh dalam jadual 3 hingga jadual 5, yang membolehkan pembaca menelusuri hubungan antara dialog asal, terjemahan Arab, kod strategi, keputusan *equivalence*, penilaian Skopos dan analisis kritikal. Keempat, semakan rakan penyelidik digunakan pada contoh yang bermasalah, khususnya item yang melibatkan idiom, slanga, makian dan kesalahan leksikal. Disebabkan kajian ini bersifat kualitatif interpretif dan tidak direka sebagai ujian *intercoder* (antara pengekod) berskala besar, kajian ini tidak melaporkan pekali Cohen's Kappa; sebaliknya, kebolehpercayaan dijamin melalui ketekalan panduan pengekodan, semakan berulang dan justifikasi jelas bagi setiap keputusan pengekodan. Kesahan kajian pula diperkukuh melalui kesahan kandungan, kesahan konstruk dan kesahan tafsiran. Kesahan kandungan dicapai kerana lima kriteria persampelan dibina berdasarkan isu yang lazim diiktiraf dalam kajian penterjemahan audiovisual, iaitu budaya, idiom, istilah teknikal, emosi/humor dan dialek (Baker, 2018; Díaz Cintas & Remael, 2021). Kesahan konstruk dipastikan dengan memadankan setiap konstruk analisis kepada teori yang jelas: strategi mikro kepada Vinay & Darbelnet, equivalence kepada Nida, dan tujuan komunikasi kepada Skopos Vermeer. Kesahan tafsiran pula dikukuhkan melalui triangulasi antara teks sumber, sari kata Arab, konteks adegan, fungsi dramatik dan norma leksikal Arab. Dengan demikian, penilaian "tercapai", "sebahagiannya tercapai" dan "tidak tercapai" tidak dibuat secara impressionistik semata-mata, tetapi berdasarkan bukti linguistik, budaya dan pragmatik yang boleh disemak semula melalui matriks pengekodan penuh dalam jadual 3 hingga jadual 5.

Prosedur Analisis Data

Prosedur analisis dijalankan secara sistematik dalam enam langkah. Pertama, dialog bahasa Melayu dan terjemahan Arab disusun secara selari dalam matriks perbandingan. Kedua, setiap dialog diperiksa berdasarkan konteks audio-visualnya, termasuk nada ujaran, hubungan watak, fungsi adegan dan kekangan sari kata. Ketiga, strategi penterjemahan dikenal pasti menurut klasifikasi Vinay & Darbelnet. Keempat, jenis *equivalence* ditentukan sama ada formal atau dinamik. Kelima, pencapaian Skopos dinilai berdasarkan keupayaan sari kata menyampaikan makna, nada dan fungsi dramatik kepada penonton Arab. Keenam, isu bahasa, budaya dan emosi dikod sebagai isu dominan bagi membolehkan pengiraan frekuensi serta perbincangan kualitatif. Analisis akhir menggabungkan dapatan kuantitatif asas dengan huraian kritikal bagi memperlihatkan kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan terjemahan.


Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Dapatan Kajian

Dapatan kajian bagi pencapaian terjemahan (60 dialog) dan kategori isu utama terjemahan boleh didapati dalam *Rajah 1*.



Rajah 1: Carta Pai: Pencapaian Terjemahan (60 Dialog) dan Carta Bar: Kategori Isu Utama Terjemahan

Kajian ini menganalisis 60 dialog sari kata filem *Sheriff: Narko Integriti* (2024) yang dipilih melalui reka bentuk pensampelan berperingkat iaitu persampelan berasaskan masa diikuti persampelan bertujuan. Analisis kajian adalah berpandukan strategi terjemahan Vinay dan Darbelnet, kerangka kesepadanan Nida (formal dan dinamik), serta Teori Skopos bagi menilai fungsi komunikasi kepada penonton sasaran. Dapatan dirumuskan mengikut tiga dimensi utama iaitu bahasa, budaya, dan kesan emosi dengan penandaan strategi mikro, pengkelasan bentuk kesepadanan, dan penilaian pencapaian skopos bagi setiap item.

Berdasarkan Rajah 1, analisis terhadap 60 dialog daripada sari kata filem *Sheriff: Narko Integriti* (2024) menunjukkan bahawa 31 dialog (52%) berjaya diterjemahkan dengan tepat serta mengekalkan maksud asal. Sebanyak 17 dialog (28%) pula hanya mencapai ketepatan sebahagian kerana berlaku kehilangan unsur penting seperti nada emosi, kiasan budaya, dan makna idiomatik. Sementara itu, 12 dialog (20%) didapati tidak mencapai ketepatan langsung akibat kesalahan terjemahan yang ketara, termasuk salah tafsir konteks, penggunaan padanan istilah yang tidak sesuai, serta kegagalan menyampaikan mesej sebenar dialog asal.

Daripada segi kategori isu utama, sebanyak 31 dialog (52%) melibatkan masalah bahasa, termasuk penggunaan istilah yang tidak sesuai, kesalahan leksikal, dan terjemahan literal yang mengganggu kefahaman. Selain itu, 15 dialog (25%) gagal mengekalkan kesan emosi asal seperti nada marah, sindiran, atau humor, manakala 14 dialog (23%) melibatkan kegagalan menyesuaikan unsur budaya, idiom, dan slanga dengan konteks bahasa sasaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa cabaran terbesar penterjemah ialah mengekalkan keseimbangan antara ketepatan makna, kesan emosi, dan kesesuaian budaya dalam penterjemahan sari kata filem.

Analisis Kuantitatif

Daripada 60 dialog yang dianalisis, sebanyak 27 dialog (45%) dikenal pasti bermasalah dari segi bahasa, sama ada melibatkan isu leksikal, tatabahasa, atau terjemahan literal yang mengganggu kefahaman. Contohnya, kata “Bersurai” diterjemahkan sebagai “مرفوض” yang membawa maksud “ditolak”, sedangkan padanan tepat ialah “انصرفوا”. Sebanyak 13 dialog

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

(22%) pula melibatkan kegagalan dalam menangani aspek budaya, khususnya idiom, slanga, dan rujukan tempatan. Misalnya, "*Follow* beruk-beruk ini" diterjemahkan kepada "لمتابعة هذه الكلاب", yang menukar imej penghinaan daripada beruk (monyet) kepada anjing, sekali gus mengubah maksud asal. Bagi aspek emosi, sebanyak 20 dialog (33%) gagal mengekalkan nada dramatik asal. Ungkapan kasar seperti "Kau jangan kencing aku!" hanya diterjemahkan dengan bentuk sopan "لا تكذب علي", menyebabkan kehilangan kesan makian dan intensiti dramatik dalam konteks adegan.

Analisis Berdasarkan Persampelan Berasaskan Masa

Pensampelan berasaskan masa dalam kajian ini digunakan semata-mata sebagai kerangka pemilihan data, bukannya sebagai pembolehubah analisis. Justeru, semua dapatan dibentangkan secara agregat merentas 60 dialog terpilih. Potensi bias akibat ketiadaan segmen akhir diminimumkan melalui pemilihan adegan yang serupa fungsi naratifnya (misalnya konflik, puncak emosi dan rujukan budaya). Reka bentuk ini selaras dengan amalan analisis kandungan yang menerima unit masa sebagai asas pemilihan dan pengekodan bahan audiovisual berterusan (Krippendorff, 2018; Neuendorf, 2017; Riffe, Lacy, & Fico, 2014).

Analisis Berdasarkan Persampelan Bertujuan

Berdasarkan kriteria persampelan, dapatan menunjukkan bahawa 20 dialog (33%) berunsur emosi atau humor, 13 dialog (22%) mengandungi idiom atau kiasan, 11 dialog (18%) berunsur budaya tempatan, 10 dialog (17%) melibatkan istilah jenayah, dan hanya 6 dialog (10%) yang menampilkan loghat atau dialek. Pola ini memperlihatkan bahawa cabaran terbesar dalam terjemahan ialah mengekalkan kesan emosi dan idiomatik agar dekat dengan budaya asal sambil mengekalkan kefahaman penonton sasaran.

Kesalahan Leksikal Kritikal

Analisis juga mendapati beberapa kesalahan leksikal kritikal yang mempengaruhi ketepatan makna. Misalnya, kata *"corrupt"* diterjemah sebagai *"تالف"* (rosak fizikal) sedangkan padanan tepat ialah *"فاسد"*. Begitu juga dengan arahan *"bersurai"* yang diterjemah kepada *"مرفوض"* (ditolak), sedangkan maksud sebenar ialah perintah *"انصرفوا"*. Istilah slanga seperti *"kantoi"* pula diterjemah kepada *"لا ننشغل"* (jangan kita sibuk), yang jauh menyimpang daripada maksud asal *"terbongkar"* (انكشف). Tambahan lagi, partikel perbualan *"kan?"* salah dipadankan dengan *"يمين؟"* (sumpah/kanan), dan sapaan dramatik *"Hei!"* diterjemah hanya sebagai *"يا"*, menyebabkan kesan emosional asal berkurangan.

Dalam bahasa Melayu, interjeksi "Hei" digunakan sebagai seruan menarik perhatian seseorang. Dalam versi sari kata bahasa Arab, interjeksi ini diterjemahkan hanya sebagai "يا" . Secara linguistik, "يا" dalam bahasa Arab merupakan حرف نداء (partikel seruan) yang secara konvensional digunakan untuk memanggil atau menarik perhatian seseorang dengan diikuti oleh nama, gelaran, atau kata ganti, contohnya: "يا أحمد" (wahai Ahmad), "يا رجل" (wahai lelaki). Penggunaan "يا" secara bersendirian tanpa kata tambahan adalah tidak lengkap dan janggal dalam bahasa Arab standard (*Fusha*). Ini menyebabkan sari kata tersebut berpotensi mengelirukan penonton Arab yang biasa dengan struktur bahasa tersebut.

Penterjemah menggunakan perkataan "يمين؟" sebagai terjemahan bagi "kan?", mungkin kerana terpengaruh dengan terjemahan Inggeris "*right*?". Terjemahan ini tidak membawa makna sebenar dan mengelirukan audiens sasaran. Terjemahan alternatif yang sesuai ialah frasa seperti "أليس كذلك؟" yang digunakan secara meluas dalam bahasa Arab formal dan lisan sebagai

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

pengganti *"right?"*, dan merupakan padanan paling dekat bagi partikel "kan?". Contoh penggunaanya dalam ayat ialah ستأتي معي، أليس كذلك؟ (Kau ikut aku, kan?").
Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa kelemahan utama terletak pada aspek bahasa dan emosi, yang mana pilihan kata tidak tepat atau terlalu literal hingga menghilangkan maksud tersirat dan kesan dramatik. Walaupun ada dialog yang berjaya mengekalkan ketepatan semantik. Kegagalan menangani unsur budaya dan emosi menyebabkan mesej asal filem tidak sepenuhnya sampai kepada penonton sasaran berbahasa Arab.

Perbincangan Kajian

Keseimbangan antara Formal Equivalence dan Dynamic Equivalence

Dapatan menunjukkan bahawa majoriti terjemahan menggunakan pendekatan literal (*formal equivalence*) yang sesuai untuk dialog berfakta seperti *"Orang macam kau tak layak jadi polis"* → *"الناس مثلك لا يصلحون ليكونوا ضباط شرطة"*. Dalam kes ini, mesej semantik dapat dikekalkan tanpa menjejaskan konteks dramatik. Namun, bagi dialog bernuansa emosi atau sindiran, pendekatan literal sering kali tidak berkesan. Contohnya, ungkapan "Kau jangan kencing aku!" dalam bahasa Melayu merupakan slanga kasar yang membawa maksud menipu atau mempermainkan seseorang dengan nada marah dan menghina. Namun, apabila diterjemahkan sebagai " لا تكذب علي" (*jangan bohong pada aku*), makna asasnya memang sampai, tetapi kesan emosi asal hilang kerana bentuk Arab tersebut lebih sopan dan neutral. Hal ini menunjukkan bahawa terjemahan hanya mencapai kesepadanan formal, tetapi gagal dari sudut kesepadanan dinamik kerana tidak menimbulkan impak dramatik yang sama kepada penonton Arab. Alternatif seperti " لا تخدعني أيها الحقير" lebih sesuai kerana mengekalkan unsur makian, sekali gus memenuhi fungsi skopos untuk menyalurkan nada marah dan tegang sebagaimana dalam teks asal.

Penerapan Skopos dalam Terjemahan Audiovisual

Menurut *Skopos Theory* (Vermeer, 2000), tujuan utama penterjemahan sari kata adalah menyampaikan mesej filem secara efektif kepada penonton sasaran. Dalam konteks filem Sheriff: Narko Integriti (2024), objektifnya ialah memastikan unsur dramatik, emosi, dan budaya tempatan difahami oleh penonton Arab. Namun, terjemahan yang terlalu literal menyebabkan tujuan komunikasi ini tidak sepenuhnya tercapai. Misalnya, *"Follow beruk-beruk ini"* diterjemah sebagai *"لمتابعة هذه الكلاب"*, yang menukar imej penghinaan "beruk" kepada "anjing" dan sekali gus mengubah kesan budaya serta emosi.

Dalam wacana Melayu, rujukan haiwan kerap berfungsi sebagai disfemisme (makian yang merendahkan), dan dalam data kajian ini "beruk" jelas digunakan untuk menandai penilaian sosial negatif seperti kebodohan atau kelakuan liar. Pemerhatian ini sejajar dengan literatur antarabangsa tentang bahasa tabu dan disfemisme (Allan & Burridge, 2006). Hubungan antara bahasa dan pandangan dunia Melayu yang menjelaskan bagaimana sesuatu kata mendapat nilai sosial seperti 'hina' atau 'tidak beradab' dibincangkan oleh Asmah (1987).

Sebaliknya, dalam budaya Arab, makian berasaskan "anjing" (*kalb*) lazim berfungsi sebagai disfemisme yang kuat. Konotasinya cenderung menandai kehinaan dan "pencemaran" simbolik dalam kerangka budaya dan agama. Kesannya berbeza daripada makian berasaskan haiwan lain (Allan & Burridge, 2006; Ghazala, 2014; Dickins, Hervey, & Higgins, 2016). Maka, apabila beruk diterjemahkan menjadi anjing, berlaku peralihan medan konotasi: unsur kebodohan dan kelakuan liar yang lazim tersirat dalam makian Melayu tidak lagi kekal, sebaliknya diganti dengan nuansa jijik/pencemaran dalam konteks Arab. Peralihan ini mengubah kesan emosi asal

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

dan melemahkan fungsi sindiran dalam naratif filem, sekali gus menampakkan cabaran penterjemahan rentas budaya.

Isu Budaya dan Idiomatik

Sebanyak 23% dialog bermasalah melibatkan unsur budaya, idiom, atau slanga. Ungkapan seperti *"curi tulang"* hanya diterjemahkan sebagai *"الكسالى"* (pemalas), sekali gus menghilangkan sifat idiomatik dan nada dramatik. Dalam konteks Arab, terjemahan lebih kreatif seperti *"تأكل خبزًا بلا عمل"* (makan roti tanpa bekerja) atau *"تدّعي العمل وأنت لا تفعل شيئًا"* atau *"متقاعس"* boleh mengekalkan unsur metafora dan menyampaikan kesan dramatik yang lebih kuat. Hal ini menguatkan dapatan Ghazala (2014) bahawa terjemahan idiom antara bahasa dengan latar budaya berbeza memerlukan strategi adaptasi dan modulasi, bukan literal semata-mata.

Emosi, Jenaka (*Humor)*, dan Nada Sindiran

Isu paling ketara ialah kegagalan mengekalkan emosi dan nada sindiran, iaitu sebanyak 28% dialog bermasalah. Contoh seperti *"Kau dah gila, Naz!"* → *"أنت فقدت عقلك يا ناز!"* sememangnya tepat dari segi makna, tetapi tidak cukup kuat untuk mengekspresikan kemarahan. Pilihan *"أنت مجنون يا ناز!"* lebih padan dengan situasi dramatik filem. Dalam AVT, aspek emosi dianggap sama penting dengan kesepadanan makna kerana ia menentukan penerimaan penonton (Díaz Cintas & Remael, 2021).

Implikasi terhadap Penterjemahan Melayu–Arab

Kajian ini memperlihatkan bahawa penterjemahan sari kata Melayu–Arab bukan sahaja mencabar daripada segi linguistik, tetapi juga sosio-budaya. Kebergantungan pada strategi literal membuktikan bahawa penterjemah kurang memberi perhatian terhadap skopos dan konteks penonton sasaran. Untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi lintas budaya, penterjemah perlu lebih fleksibel menggunakan gabungan *formal* dan *dynamic equivalence* serta strategi kreatif (Vinay & Darbelnet, 1958), agar mesej asal filem tidak hilang atau berubah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa penterjemahan sari kata filem *Sheriff: Narko Integriti* (2024) daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab bukanlah sekadar proses pemindahan kata, tetapi melibatkan pemindahan makna, emosi, budaya, dan fungsi dramatik secara serentak dalam batasan ruang dan masa audiovisual. Berdasarkan analisis terhadap 60 dialog yang dipilih secara persampelan bertujuan, dapatan menunjukkan bahawa pendekatan terjemahan literal paling dominan digunakan dan didapati berkesan bagi dialog yang bersifat langsung, informatif, dan tidak kompleks dari sudut budaya atau emosi. Namun begitu, pendekatan tersebut terbukti kurang memadai apabila berhadapan dengan dialog yang sarat dengan slanga, idiom, sindiran, penghinaan, humor, dan unsur budaya tempatan. Dalam keadaan demikian, terjemahan yang terlalu terikat pada bentuk asal cenderung menghasilkan kehilangan makna tersirat, perubahan konotasi, dan pelemahan kesan dramatik yang penting dalam naratif filem.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa kelemahan utama sari kata tertumpu pada tiga dimensi penting, iaitu bahasa, budaya, dan emosi. Dari sudut bahasa, terdapat beberapa kesalahan leksikal dan padanan istilah yang menjejaskan ketepatan makna. Dari sudut budaya, unsur tempatan yang terkandung dalam teks sumber tidak sentiasa berjaya dipindahkan secara sensitif ke dalam bahasa Arab, sehingga menyebabkan perubahan imej, nilai rasa, dan fungsi pragmatik. Dari sudut emosi pula, sejumlah terjemahan gagal mengekalkan intensiti marah, sindiran, ancaman, atau penghinaan yang menjadi teras kepada pembentukan suasana dramatik filem. Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa penterjemahan sari kata perlu dinilai

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

bukan sahaja berdasarkan ketepatan semantik, tetapi juga berdasarkan keupayaannya mengekalkan fungsi komunikasi dan pengalaman penonton sasaran sebagaimana yang ditekankan oleh Teori Equivalence dan Teori Skopos.

Daripada segi sumbangan ilmiah, kajian ini membantu mengisi jurang dalam bidang penterjemahan audiovisual Melayu–Arab yang masih kurang diberi perhatian dalam penyelidikan semasa. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa dalam konteks sari kata filem, kesepadanan formal semata-mata tidak mencukupi untuk menjamin terjemahan yang berkesan. Sebaliknya, penterjemah perlu mempertimbangkan kesepadanan dinamik serta tujuan komunikasi terjemahan agar mesej, nada, dan kesan emosi dapat dipindahkan dengan lebih tepat kepada penonton Arab. Dengan kata lain, kejayaan penterjemahan sari kata tidak hanya bergantung pada kesetiaan kepada bentuk bahasa sumber, tetapi juga pada keupayaannya mengekalkan roh wacana, fungsi dramatik, dan respons emosi yang diharapkan daripada khalayak sasaran.

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dikemukakan. Pertama, penyelidikan pada masa hadapan boleh memperluas korpus kajian dengan melibatkan keseluruhan filem atau beberapa filem Melayu daripada genre yang berbeza seperti aksi, komedi, seram, dan drama, supaya pola penterjemahan sari kata Melayu–Arab dapat dikenal pasti dengan lebih menyeluruh. Kedua, kajian lanjutan juga boleh memberi tumpuan kepada analisis penerimaan audiens sasaran, khususnya penonton Arab, bagi menilai sejauh mana sari kata yang diterjemahkan benar-benar difahami, diterima, dan memberi kesan emosi yang setara dengan teks asal. Ketiga, penyelidikan seterusnya boleh membandingkan penterjemahan sari kata manusia dengan penterjemahan berasaskan kecerdasan buatan atau terjemahan mesin, khususnya dalam menangani idiom, makian, humor, dan unsur budaya. Keempat, kajian boleh diperluas kepada aspek teknikal subtitling seperti pemadatan maklumat, kelajuan bacaan, segmentasi baris, dan hubungan antara teks sari kata dengan imej visual serta intonasi audio. Akhir sekali, dicadangkan juga agar satu garis panduan khusus bagi penterjemahan sari kata Melayu–Arab dibangunkan berdasarkan data empirikal, agar dapat dimanfaatkan dalam latihan penterjemah, penyediaan sari kata profesional, dan pembangunan standard amalan dalam bidang penterjemahan audiovisual serantau.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penterjemahan sari kata yang berkesan memerlukan kepekaan linguistik, kefahaman budaya, dan pertimbangan pragmatik yang tinggi. Tanpa keseimbangan antara ketepatan makna, kesesuaian budaya, dan keberkesanan emosi, mesej filem berisiko untuk disampaikan secara lemah atau menyimpang kepada penonton sasaran. Oleh itu, usaha memperkukuh penyelidikan dan amalan penterjemahan sari kata Melayu–Arab amat penting bagi memastikan karya audio-visual tempatan dapat diakses, difahami, dan dihargai secara lebih bermakna dalam konteks antarabangsa.

Penghargaan
Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan
Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

Rujukan

Al-Adwan, A. S. (2021). The informalisation of language in Arabic subtitling on Netflix. *The Journal of Specialised Translation, 36*, 183–208.

Al-Azzam, B. (2005). The cultural implications of translating the swearwords and taboo expressions in the Holy Qur'an into English. *Babel, 51*(3), 221–231.

Allan, K., & Burridge, K. (2006). *Forbidden words: Taboo and the censoring of language*. Cambridge University Press.

Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baker, M. (2018). *In other words: A coursebook on translation* (3rd ed.). Routledge.

Baldry, A., & Thibault, P. J. (2006). *Multimodal transcription and text analysis*. Equinox.

Bywood, L., Georgakopoulou, P., & Etchegoyhen, T. (2017). Embracing the threat: Machine translation as a solution for subtitling. *Perspectives: Studies in Translation Theory and Practice, 25*(3), 492–508.

Chaume, F. (2012). *Audiovisual translation: Dubbing*. St. Jerome.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage.

Dickins, J., Hervey, S., & Higgins, I. (2016). *Thinking Arabic translation: A course in translation method: Arabic to English* (2nd ed.). Routledge.

Díaz Cintas, J. (2018). Subtitling's a carnival: New practices in cyberspace. *The Journal of Specialised Translation, 30*, 127–149.

Díaz Cintas, J., & Remael, A. (2021). *Subtitling: Concepts and practices* (2nd ed.). Routledge. https://doi.org/10.4324/9781315674278

Doherty, S. (2016). The impact of translation technologies on the process and product of translation. *International Journal of Communication, 10*, 947–969.

Ghazala, H. (2014). *Translation as problems and solutions: A coursebook for university students and trainee translators* (9th ed.). Dar El-Ilm Lilmalayin.

Haeri, N. (2003). *Sacred language, ordinary people: Dilemmas of culture and politics in Egypt*. Palgrave Macmillan.

Hanna, S., El-Farahaty, H., & Khalifa, A.-W. (Eds.). (2020). *The Routledge handbook of Arabic translation*. Routledge.

Khoo, G. C. (2010). *Reclaiming adat: Contemporary Malaysian film and literature*. NUS Press.

Krippendorff, K. (2018). *Content analysis: An introduction to its methodology* (4th ed.). Sage.

Moorkens, J. (2020). A tiny cog in a large machine: Digital Taylorism in the translation industry. *Translation Spaces, 9*(1), 12–34.

Motion Picture Association. (2024). *THEME report 2023*. Motion Picture Association.

Netflix, Inc. (2025). *Form 10-K annual report 2024*. United States Securities and Exchange Commission.

Neuendorf, K. A. (2017). *The content analysis guidebook* (2nd ed.). Sage.

Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Brill.

Nimdzi Insights. (2024). *The Nimdzi 100: The ranking of the largest language service providers*. Nimdzi Insights.

Orrego-Carmona, D. (2018). New audiences, international distribution, and translation in the online era. *The Journal of Specialised Translation, 30*, 321–342.

Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage.

Pérez-González, L. (2014). *Audiovisual translation: Theories, methods and issues*. Routledge.

Riffe, D., Lacy, S., & Fico, F. G. (2014). *Analyzing media messages: Using quantitative content analysis in research* (3rd ed.). Routledge.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 85 Special Issue [August, 2026] pp 1019-1040
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118569

https://www.taylorfrancis.com/books/mono/10.4324/9780203551691/analyzing-media-messages-daniel-riffe-stephen-lacy-frederick-fico

Van der Heide, W. (2002). *Malaysian cinema, Asian film: Border crossings and national cultures*. Amsterdam University Press.

Vermeer, H. J. (2000). Skopos and commission in translational action (A. Chesterman, Trans.). In L. Venuti (Ed.), *The translation studies reader*. Routledge. Karya asal diterbitkan 1989.

Vinay, J.-P., & Darbelnet, J. (2004). *Comparative stylistics of French and English* (J. C. Sager & M.-J. Hamel, Trans.). John Benjamins. Karya asal diterbitkan 1995. https://benjamins.com/catalog/btl.11

Yusof, S. (Pengarah). (2024). *Sheriff: Narko Integriti* [Filem]. Malaysia.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0